

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGGAU [TUARAN]**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa penduduk Sabah berbanding Sarawak pada tahun 1960, tahun 2010 dan tahun 2020 dan kenapakah kadar pertumbuhan penduduk Sabah jauh lebih besar daripada Sarawak.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data penduduk dan kadar pertumbuhan penduduk bagi Negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 1960 masih belum tersedia di peringkat Malaysia. Data penduduk peringkat Malaysia adalah bermula pada tahun 1961.
2. Kadar pertumbuhan Penduduk Sabah jauh lebih besar dari Sarawak disumbangkan oleh penambahan Penduduk Sabah sebanyak 3.91 juta berbanding Sarawak sebanyak 2.82 juta pada tahun 2020. Di samping itu, jumlah bukan warganegara di Sabah sebanyak 1.09 juta adalah lebih tinggi berbanding Sarawak sebanyak 159.5 ribu. Perincian Penduduk Sabah dan Sarawak adalah seperti jadual di bawah.

SOALAN NO : 244

Bilangan Penduduk dan Kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan, Sabah dan Sarawak, 1961, 2010 dan 2020							
	Sabah				Sarawak		
	1961	2010	2020^e		1961	2010	2020^e
	Bilangan ('000)						
Jumlah	470.3	3,260.0	3,908.5		761.5	2,487.1	2,816.5
Warganegara	470.3	2,406.4	2,814.3		761.5	2,365.2	2,657.0
Bukan Warganegara	-	853.6	1,094.1		-	121.9	159.5
	Sabah				Sarawak		
	1961	1961 - 2010	2011- 2020^e		1961	1961 - 2010	2011- 2020^e
	Purata Kadar Pertumbuhan Penduduk (%)						
Jumlah	-	4.0	1.8		-	2.4	1.2
Warganegara	-	3.3	1.6		-	2.3	1.2
Bukan Warganegara	-	-	2.5		-	-	2.7
Nota:							
Data penduduk Bukan Warganegara bagi tahun 1960 tidak tersedia							
^e Anggaran							
^a Merujuk kepada tahun 1980							
^b Merujuk kepada tahun 2018							
- Data tidak tersedia							

Sekian, terima kasih.